

RM185 juta baik pulih kemudahan di 358 PPR

Petaling Jaya: Kerajaan menyediakan dana RM185 juta bagi projek membaik pulih kemudahan di 358 Program Perumahan Rakyat (PPR) seluruh negara, tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Kerajaan MADANI memberi keutamaan aspek keselesaan penduduk khususnya di PPR, termasuk kemudahan asas yang baik.

Katanya, ini bagi memastikan nasib penduduk PPR, terutama dalam kalangan miskin bandar sentiasa terbela.

“Dua tahun sebelum ini, kita belanja RM100 juta. Jadi, sejak dua tahun ini sudah RM285 juta (dibelanjakan), tetapi saya tidak ada masalah kerana ini bukan membazir kalau baiki lif dan perbaiki kemudahan.

“Kalau duduk rumah pun, robek, bocor, jiran tetangga tak kenal, tak ada semangat. Jadikan rumah syurga. Kalau lif rosak, tandas pam pun tak jalan.

“Itu sebabnya Kerajaan MADANI mengambil tanggungjawab, tetapi mesti disambut oleh masyarakat,” katanya berucap

pada Majlis Meraikan Forum Komuniti PPR Lembah Subang 1, di sini, semalam.

Yang hadir sama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan ekonomi dan pelaburan yang baik perlu seiring dengan kesejahteraan kehidupan rakyat, termasuk penduduk di PPR.

“Hari ini di Parlimen, saya menjawab mengenai pertumbuhan ekonomi negara yang sangat baik. Pelaburan datang ratusan bilion ringgit.

“Namun, bagi rakyat di PPR termasuk Lembah Subang 1, mereka nak lif, nak sekolah, kemudahan kesihatan. Jadi, kita perlu memikirkan kedua-duanya.

“Soal lif di Subang pun kita fikir sampai ke Kabinet. Perdana Menteri, menteri ambil tahu berapa lif rosak,” katanya

Pada majlis itu, Anwar turut mengumumkan peruntukan RM1.2 juta bagi menambah baik kemudahan asas di PPR terbabit,



Anwar mendengar penerangan Ketua Komuniti PPR Lembah Subang 1, Isham Romli ketika meninjau sekitar PPR pada Majlis Meraikan Forum Komuniti PPR Lembah Subang 1 di Petaling Jaya, semalam. (Foto Eizairi shamsudin/BH)

termasuk membaiki lif rosak.

Beliau mahu membaiki itu dilakukan segera dan laporan permulaan kerja perlu dihantar awal minggu depan.

Anwar berkata, kerajaan akan

memikirkan jalan merencanakan semula semangat kejiwaan di PPR yang sebahagiannya sudah lebih 30 tahun.

“PPR seperti di Wangsa Maju, Gombak, di sini, banyak yang

kita mulakan pada 1995 ketika saya menjadi Menteri Kewangan.

“Kini 30 tahun berlalu, kalau sudah tempoh itu ada yang daif sedikit,” katanya.